

Sasar 30,000 tenaga pengajar TVET

SHAH ALAM - Kementerian Sumber Manusia menasarkan 30,000 tenaga pengajar bertaualiah berkhidmat dalam sistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negara menjelang tahun depan.

Timbalan Menterinya Datuk Mahfuz Omar berkata setakat ini negara mempunyai kira-kira 24,000 tenaga pengajar dalam bidang itu.

"Walaupun kita sasar hasilkan 30,000 tenaga pengajar TVET bertaualiah tahun depan, sebenarnya ia masih belum cukup bagi memenuhi keperluan bidang itu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja bersempena hari penilaian pelajar baharu Sijil Pengajar Vokasional (VTO) di Pusat Latihan dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), di sini semalam.

Sehubungan itu kata-nya kementerian berharap CIAST akan terus berusaha meningkatkan pengeluaran tenaga peng-



Mahfuz beramah mesra bersama pelajar baru ketika mengadakan lawatan kerja ke CIAST, semalam.

ajar terlatih.

Menurutnya sejak ditubuhkan 36 tahun lepas, CIAST telah melahirkan 16,878 tenaga pengajar terlatih setakat Disember lalu.

Sementara itu, Mahfuz menasihati bakal guru TVET agar membetulkan niat masing-masing dengan menjadikan peluang mengikuti latihan mengajar di institusi latihan kemahiran tersebut untuk membantu pembangunan sektor berkenaan.

"Bagi saya, mereka (pelajar baharu) harus menentukan niat mereka iaitu mahu menjadi guru dan bukan se-

kadar niat nak kerja sebagai guru. Kedua-dua perkara ini berbeza sebab kalau niat nak kerja guru biasanya pelajar akan fikir tentang pendapatan menyebabkan apabila tiada kerja lain, mereka akan pilih bidang ini.

"Disebabkan peranan mereka penting, saya harap golongan pelajar baharu ini harus ada niat menjadi guru dan sentiasa bersedia membangunkan ilmu serta kemahiran kerana merekaalah pemacu masa depan kita," katanya. - Bernama